

1983

BANGI, 27 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN ORANG MELAYU MESTILAH MENGUBAH SIKAP DAN CARA HIDUP YANG MAHU MENIKMATI KESENYANGAN SEMATA-MATA ATAS USAHA ORANG LAIN DAN SEBALIKNYA BERUSAHA MEMAJUKAN DIRI SENDIRI.

KATANYA, JIKA TIDAK, ADALAH TIDAK MUSTAHIL ORANG MELAYU PADA MASA AKAN DATANG MENJADI LUMPUH, MALAH LENYAP DARI MUKA BUMI SEPERTI APA BERLAKU PADA BANGSA-BANGSA YANG ENGGAN MENGUBAH SIKAP SESUAI DENGAN KEHENDAK KEADAAN ZAMAN.

BELIAU BERKATA KESEDARAN TENTANG HAKIKAT INI PENTING KERANA SELAGI IA TIDAK WUJUD, ORANG MELAYU TIDAK AKAN BANGUN DAN MELIHAT BEKILILING BETAPA KEKAYAAN TANAH AIR MEREKA MENGUNTINGKAN ORANG LAIN YANG BEDAR DAN TAHU MENAFA'ATKAN KEADAAN.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MELANCARKAN KEMPEN KESEDARAN RANCANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANEKA DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM). TURUT HADIR IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Karyaneka.

PERDANA MENTERI BERKATA NEGARA INI TERDAPAT BANYAK PELUANG UNTUK SESIAPA YANG INGIN MENCARI KEKAYAAN, MALANGNYA MASIH TIDAK ADA KESEDARAN DI KALANGAN ORANG MELAYU BAHAWA MELALUI USAHA SAJALAH MEREKA DAPAT MEMPERBAIKI NASIB SENDIRI. -- LAGI 1326/0D

ZCZC B532

MAHATHIR-2 BANGI R'R'R'

BELIAU MENGINGATKAN ORANG MELAYU MEREKA TIDAK BOLEH LAGI MENGGUNAKAN 'ANCAMAN UNDI' UNTUK MENDAPATKAN SESUATU DENGAN PERCUMA DARI KERAJAAN SEPERTI SUBSIDI DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN.

+ACARA ITU MUNGKIN BOLEH MENGUNTINGKAN DAN ADA BAIKNYA PADA MASA INI. TETAPI OLEH SEBAB SUDAH BIASA MENDAPATKAN SEGALANYA DENGAN PERCUMA DAN MUDAH, KITA TIDAK BERFIKIR BAGAIMANA HENDAK MEMPERBAIKI NASIB SENDIRI+, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN INILAH YANG AKAN MELEMAHKAN ORANG MELAYU KERANA 'FIKIRAN DAN ANGGOTA YANG TIDAK DIGUNAKAN AKAN MENJADI LUMPUH DAN LEMAH+.

+KUASA UNDI YANG ADA PADA ORANG MELAYU PUN SUATU HARI NANTI TIDAK LAGI BERKESAN DAN KITA AKAN MENJADI AMAT LEMAH SEKALI, DAN DITINDAS DAN DITINDEH+, KATA BELIAU..

+SEBAB ITU KITA JANGANLAH TERLALU SUKA MENGHARAP SESUATU SECARA MUDAH TETAPI BERUSAHA UNTUK KEBAIKAN DIRI SUPAYA HASILNYA KELAK MEMBAWA KEKUATAN KEPADA KITA+. -- LAGI 1333/0D

MAHATHIR 3 BANGI

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI CONTOH BAGAIMANA SIKAP TIDAK MAHU BERIKHTIAR DIKALANGAN ORANG MELAYU PADA MASA LALU MENAFIKAN PELUANG MENJADI KAYA DI BUMI MEREKA PIJAK YANG KAYA DENGAN BIJIH TETAPI DIKELUARKAN OLEH ORANG ASING.

KATANYA OLEH KERANA ORANG MELAYU KETIKA ITU TIDAK TAHU DAN TIDAK BERIKHTIAR BAHAWA +DENGAN CANGKUL PUN BOLEH JADI KAYA+.

BELIAU MENJELASKAN KEADAAN ITU BERLAKU KERANA TIDAK ADANYA KESEDARAN BAHAWA BIJIH ITU ADALAH PUNCA KEKAYAAN SEKIRANYA DITEROKAI DAN ADA PULA USAHA MEMASARKANNYA KETIKA ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA MASANYA SUDAH TIBA BAGI ORANG MELAYU TERUTAMA DI LUAR BANDAR MENUKAR CARA HIDUP KAMPUNG SUPAYA LEBIH +TAHAN LASAK+ DAN NAMPU MELINDUNGI DIRI DARI SEGALA ANCAMAN PADA MASA INI DAN AKAN DATANG.

KATANYA KEMPEN KESEDARAN RANCANGAN PEMBANGUNAN INDUSTRI KAMPUNG DAN KARYANEKA YANG DILANCARKAN KERANA KERAJAAN MAHU MENYEDARKAN ORANG KAMPUNG KE ARAH TERSEBUT.

--BERNAMA 1410/AN